

Darihal Cek Det alias Dr M yang dipercayai memegang wang perkongsian

MENGIKUT sebuah berita yang berpunca dari Alor Setar, bekas rakan perkongsian perniagaan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Pekan Rabu di Alor Setar semasa pemerintahan Jepun dahulu, Mohamad Nor Madar telah meninggal dunia baru-baru ini.

Allahyarham Mohamad Nor (yang dikenali dengan panggilan "Nana") merupakan salah seorang dari peniaga yang pertama menjalankan perniagaan di Pekan Rabu sejak ianya mula diwujudkan telah menggalakkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkongsi bersama dengan seorang lagi rakan perkongsian mereka, Encik Johari Taib yang dikenali dengan panggilan "Pak Jo" dengan membuka kedai buah-buahan.

"Semasa itu, Cek Det (panggilan ringkas Datuk Seri Dr. Mahathir oleh rakan beliau) balik ke Kedah kerana tidak dapat meneruskan pelajarannya di Singapura kerana Perang Dunia II meletus," kata Pak Jo semasa ditemui.

Menurutnya lagi, "ketika berniaga Cek Det ditugaskan oleh 'Nana' untuk memegang wang perniagaan kerana dia pandai dan jujur orangnya, bagaimanapun Cek Det balik meneruskan pelajarannya di Singapura selepas orang putih memerintah semula."

(Dipetik dari Utusan Melayu Februari 17, 1982 di bawah tajuk, "Bekas rakan perkongsian perniagaan Mahathir meninggal").

Komen Penulis:

Cerita yang dikisahkan oleh "Pak Jo" tadi adalah menunjukkan bahawa Cek Det alias Dr. M alias Datuk Seri Dr. Mahathir sejak muda-muda lagi (lalu dalam tahun-tahun 40-an) udah dianggap "pandai dan jujur" dan dengan itu boleh dipercayakan untuk memegang wang perkongsian. (Nota: Seperti dikisahkan di halaman ini beberapa hari yang lalu bahawa "kepandalian dan kejujuran" adalah kelayakan atau kualifikasi yang diperlukan oleh seseorang pemimpin yang baik. Sebaliknya seperti sering kali terbukti dalam cerita-cerita T.V., pemimpin yang "pandai dan bengkok" amat merbahaya kepada rakyat dan negara.)

Untuk makluman para pembaca muda, yakni yang masih kanak-kanak kecil ataupun belum dilahirkan di waktu pemerintahan Jepun dahulu, bahawa di zaman pemerintahan Jepun, "standard" akhlak masyarakat pada keseluruhannya amat menurun atau rendah sekali...

Oleh itu, orang-orang (yang di satu ketika dihormati masyarakat sebagai mempunyai prinsip yang tinggi) tidak keberatan menerima rasuah secara terbuka dan berjudi secara besar-

besaran dengan hasil korupsi ataupun dengan wang yang diamanahkan kepada mereka. Umumnya, tidaklah menghairankan jika seorang pegawai tinggi dari Pejabat Tanah (ataupun "Sanitary Board") kelihatan bermain "Tai-Sai" di Taman Hiburan (Amusement Park) dengan mengguna duit kutipan hasil tanah (ataupun "sumbangan" dari pekedal-pekedal kopi) sebagai modal. (Nota: "Tai Sai", yang bererti "Besar-Kecil" adalah sejenis judi yang paling "merbahaya" — yang kadangkala mendorongkan si pemain menggadaikan kasut atau baju kemeja yang dipakainya! Atau pun mencuri "duit lauk" dari bawah bantal si isteri!...)

Memandangkan kepada apa yang penulis sebutkan tadi — seseorang pemuda yang boleh diamanahkan di zaman Jepun dengan wang perniagaan berkongsi (tanpa dijudi atau di-salahgunakannya) maka orang muda berkenaan bolehlah dianggap sebagai manusia yang "paling luar biasa", atau orang "one in a million". Jika dalam suasana perang bila kebanyakan orang yang dihormati masyarakat "berdiri di atas kepala", Cek Det alias Dr. M masih boleh mempertahankan sifat jujurinya, maka apatah lagi dalam keadaan biasa — lebih-lebih lagi setelah diamanahkan oleh rakyat untuk memegang jawatan yang paling tinggi dan yang paling penting dalam masyarakat.

Kesimpulan: Cek Det alias Dr. M bolehlah dimasukkan ke-dalam senarai pemimpin Negara yang "everyone can trust" —, yakni, yang boleh dipercayai oleh setiap orang.

No. Siri 2376
No. Penerimaan 120/85